



KEKURANGAN kakitangan jadi halangan utama dalam memastikan tasik berkeadaan bersih.

Tak cukup pekerja

■ Hanya lima kakitangan bersih Taman Tasik Cempaka berkeluasan 7.5 hektar

Nabihah Kamal
nabihah.kamal@hmetro.com.my

Kajang

Tidak dapat membersihkan kawasan dengan efisien kerana kekurangan pekerja antara faktor tasik kotor.

Pekerja pembersihan Emut Sudan, 54, berkata, dia bersama lima lagi pekerja terpaksa membersihkan kawasan Taman Tasik Cempaka, Bangi, dekat sini, yang berkeluasan 7.5 hektar itu.

"Kami terpaksa bersihkan

kawasan besar dengan membahagikan kepada enam kawasan untuk setiap pekerja.

"Tak mampu nak bersihkan semua, jadi kami buat yang termampu saja. Harap majikan tambah pekerja lagi," katanya.

Jurucakap Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) ketika dihubungi berkata, pihaknya menjalankan kerja pembersihan dua bulan sekali di kawasan riadah itu.

"Penyelenggaraan ini me-

rangkumi skop pembersihan kawasan, hias pokok, pemotongan rumput, kawalan serangga perosak dan penyakit.

"Bagaimanapun, tasik ini di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya.

Sementara itu, jurucakap Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ketika dihubungi mengulas mengenai Tasik Taman Jaya yang berkeluasan enam hektar itu, pihaknya menggunakan dua kaedah untuk membersihkan

kawasan tasik yang tercemar.

"Kaedah penyelenggaraan iaitu mikroorganisma berfungsi mengurangkan bau air.

"Penyelenggaraan sampah pula dilakukan oleh kontraktor yang dilantik MBPJ untuk membuat pembersihan pada setiap pagi sebelum jam 10 pagi," katanya.

Menurutnya, tasik berkeadaan turut berfungsi menangkang air bagi mengelakkan banjir di kawasan sekitar taman.

"Ia sebagai kolam takungan untuk menampung air longkang dari Seksyen 5 dan Seksyen 10," katanya.

PEKERJA meneruskan kerja pembersihan meskipun keadaan berjerubu di Taman Tasik Titiwangsa.

